

Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal

AB SAMAD KECHOT
ZURAIDAH HASSAN
YUSMILAYATI YUNOS

ABSTRAK

Ini merupakan kajian awalan tentang proses pendidikan muzium. Persoalan yang ditinjau ialah bagaimana proses pendidikan muzium itu berlaku dan apakah manfaatnya daripada pendidikan tersebut. Kajian ini diasaskan kepada kajian lapangan selama empat bulan (dari September hingga Disember 2009) di Muzium Negara, Kuala Lumpur. Didapati pendidikan muzium dapat melengkapkan pendidikan secara-formal di sekolah. Pada asasnya, kebanyakan mata pelajaran di sekolah sama ada dalam bidang sains sosial (seperti sejarah, geografi, kesusastraan, kebudayaan dan kesenian) mahupun sains tulen adalah sesuai dengan pendidikan muzium kerana muzium mempunyai banyak jenis, tidak terbatas pada pameran artifak sejarah, warisan dan purbakala. Sesebuah muzium itu dicirikan oleh tema bahan-bahan yang dipamerkan seperti flora, fauna, sejarah, dokumen (arkib), arkeologi, geologi, sains, teknologi dan angkasa lepas. Kajian ini mendapati pendidikan muzium bukan sahaja bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga dapat meninggalkan kesan berkekalan. Ini kerana, dari satu sisi, lazimnya muzium mempamerkan objek-objek yang unik atau bahan-bahan yang tidak ditemui dalam kehidupan biasa. Objek-objek begini dengan sendirinya menanam minat terhadap pelajar untuk belajar. Dari sisi yang lain, pendidikan muzium mendorong pengunjungnya mendalam penghayatan terhadap apa yang dipelajari, lebih-lebih lagi sekiranya muzium itu membenarkan berlaku proses secara interaktif. Makalah ini menggalurkan beberapa langkah bagaimana pendidikan muzium boleh dijalankan dengan berkesan.

Kata kunci: Pendidikan muzium, pameran, interaktif, mengalami dan konsep *open-store*.

ABSTRACT

This is a preliminary research on the museum education. This study investigates how its process go about and what are the benefits from the education. Data are collected from four months (from September to December 2009) field observation at National Museum, Kuala Lumpur. It is found that museum education equips the formal-education in school. Most subjects in school whether in social sciences (such as history, geography, literature, culture and art) or pure science

are suitable to pursuing museum education because there are many types of museum, not limited to historical, heritage and ancient artifacts. A museum is characterized by the themes of its exhibition such as flora, fauna, history, document (archive), archaeology, geology, science, technology and outer space. It is found that museum education not only enjoy but also could give permanent effect to the students' mind because, on one hand, the exhibition objects are unique or very rare to find in everyday life. These kind of objects by themselves could motivate the students to learn. On the other hand, museum education could stimulate the visitors to anticipate in what they are studying. This paper lists down some measures on how to undertake effective museum education.

Key words: Museum education, exhibition, interactive, experience, and *open-store concept*.

Pengenalan

Idea asas penubuhan muzium adalah untuk memungut, mengumpul, memelihara, memulihara dan mempamerkan artifak warisan. Matlamat akhir di sebalik kegiatan-kegiatan tersebut adalah untuk mendidik masyarakat tentang warisan bangsa, malah proses permuziuman dan pendidikan adalah hampir sinonim. Misalnya, menurut Neumer (dalam Mohd Yusof Abdullah, 1999: 95):

Education is the key word in the definition, because that is what makes the museum of today "valid" not just the valuable collections and the striking exhibitions, but the education programs that reach out the community and touch the lives of many.

Para sarjana menyebut pendidikan yang berlaku di sesebuah muzium itu sebagai pendidikan muzium (Woodhead & Geoffrey, 1994). Pendidikan muzium berlaku dalam dua bentuk, iaitu secara-formal dan tidak-formal. Secara-formal adalah melalui program yang diadakan secara khusus seperti ceramah dan penggunaan koleksi muzium untuk menjelaskan sesuatu. Secara tidak-formal adalah kegiatan pengunjungan biasa.

Terdapat banyak jenis muzium, tidak terbatas muzium sejarah dan budaya. Jenis-jenis muzium itu adalah mengikut tema bahan-bahan yang dipamerkan, misalnya, flora, fauna, sejarah, dokumen (arkib), arkeologi, geologi, sains, teknologi dan angkasa lepas. Pusat Sains Negara yang bukan sahaja mempamerkan peralatan terkini tetapi juga peralatan lampau. Demikian juga Planetarium Negara dan Frime (Institut Kajian Hutan Malaysia (FRIM)) masing-masing mempamerkan peralatan angkasa lepas dan bahan flora dan faunan.

Oleh itu, kebanyakan mata pelajaran di sekolah sesuai dengan pendidikan muzium, baik dalam bidang sains sosial (seperti sejarah, geografi, kesusastraan kebudayaan dan kesenian) mahupun sains tulen. Pendidikan melalui muzium bukan sahaja dapat meninggalkan kesan berkekalan tetapi juga satu pun proses pendidikan yang menyeronokkan. Ini kerana lazimnya muzium mempamerkan objek-objek yang unik atau bahan-bahan yang tidak ditemui dalam kehidupan biasa. Objek-objek begini dengan sendirinya menanam minat terhadap pelajar untuk belanja. Misalnya, bahan-bahan flora seperti Bunga Pakma, Periuk Kera dan Anggerik Selipar mudah menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran sains hayat. Menurut Schwartz (1974):

The objects, the in tangible evidence of the national world, really captures the imagination. The Museums, unlike other educational system, can rely an authentic objects, not words as the chief educational tool. The objects is the most obvious aspect of the museum's uniqueness and indeed provide unlimited resources for learning.

Pendidikan muzium memberi sumbangan cukup besar dalam pengembangan minda pelajar terutamanya pendidikan sepanjang hayat berkait dengan pembinaan bangsa. Ini kerana objek pameran dalam muzium merupakan bahan warisan sesebuah negara. Pelajar dapat melihat sendiri malah sesetengah muzium, seperti British Museum, membenarkan pelawat memegang artifak yang dipamerkan. Dengan itu, para pengunjung akan berinteraksi dengan warisan tersebut. Keberkesanan pendidikan interaktif di muzium itu dapat diteliti daripada hasil kajian ini:

- Pelajar A: “Wah... alat pengepam kapal korek ni sangat canggih dan dapat menarik bijih timah ke atas dengan cara sistematik.”
 - Pelajar B: “Negara kite dah dipimpin seramai 6 orang pemimpin setelah 52 tahun.”
 - Pelajar C: “Masyarakat dulu tinggal dalam gua sebagai tempat perlindungan.”
- (Sumber: Kajian lapangan 2009 bersama pengunjung sekolah di muzium Negara)

Kepelbagaian kaedah yang interaktif dalam pendidikan muzium menggalakkan pengekalan ingatan. Misalnya, hasil penyelidikan psikologi (Lewis: 1994) menunjukkan pengunjung akan ingat:

- 10% apa yang mereka dengar
- 30% apa yang mereka baca

50% apa yang mereka lihat
90% apa yang mereka buat

Justeru, pendidikan muzium merupakan pendidikan tidak-formal yang melengkapkan pendidikan formal. Ia dapat memantapkan pengetahuan dan ruang lingkup ilmu pengetahuan. Menurut Othman Mohd Yatim (199 dan 2005), pendidikan muzium merupakan ilmu yang diguna pakai dalam kaedah pemeliharaan seni budaya dan warisan yang diperoleh daripada pendidikan formal.

Selanjutnya, lazimnya sesebuah muzium berbangga dengan koleksi yang dapat dihimpunkan. Tanpa koleksi sesebuah muzium itu tidak dapat dipanggil muzium. Menurut Adi Haji Taha (2004) sekiranya sesebuah muzium itu tidak dapat menghimpun koleksi, muzium itu tidak dapat dinamakan muzium tetapi sekadar dipanggil galeri atau pusat pameran. Bagi sesebuah muzium yang memiliki koleksi yang hebat, mempunyai signifikan sejarah, budaya dan alam semula jadi yang unggul dan sukar diperoleh, secara tidak langsung ia akan menonjolkan muzium itu sendiri. Objek yang terdapat di muzium juga melambangkan kepercayaan dan sistem sesuatu masyarakat. Justeru itu, secara tidak langsung muzium dengan segala himpunan koleksi dan objeknya memberi suatu gambaran tentang masyarakat bagi sesebuah negara. Himpunan ini beserta dengan segala cerita dan latar belakang sejarah akan menjadi gedung ilmu pengetahuan, seterusnya menjadikannya sebagai institusi pendidikan tidak-formal. Hal ini yang harus difahami dalam memahami muzium sebagai sumber pendidikan atau dikenali sebagai pendidikan warisan.

Proses Pendidikan Muzium

Promosi pendidikan muzium berlaku apabila seseorang pengunjung hadir sendiri ke muzium dan mengalami (experience) aktiviti yang diadakan di muzium. Program pendidikan di muzium boleh mempertingkatkan interaksi sesama semua bahagian pengunjung dengan membentuk perhubungan diantara pengunjung dan koleksi-koleksi yang terpelihara di muzium. Ramai pendidik beranggapan kehadiran objek sebenar sudah mencukupi dalam proses peningkatan pengetahuan dan pemahaman. Program pendidikan muzium selalunya mempamerkan objek dan mengadakan aktiviti yang unik. Dengan itu, pendidikan muzium mengintegrasikan minat dengan objektif pendidikan.

Selain menjalankan penyelidikan, pengumpulan dan memelihara warisan *tangible* dan *intangible*, muzium juga berperanan menyampaikan

pengetahuan berdasarkan kajian yang dilakukan. Terdapat pelbagai kaedah yang dilakukan dalam menjadikan pengetahuan. Berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian lapangan di Muzium Negara, muzium berperanan sebagai salah satu saluran pendidikan adalah seperti berikut:

Melalui koleksi

Pembelajaran berdasarkan koleksi merupakan kaedah pembelajaran berdasarkan koleksi yang terdapat di sesebuah muzium. Berdasarkan koleksi terdapat beberapa pendekatan yang dapat digunakan seperti pendekatan *Multi Disciplinary Collection*. Pendekatan ini merupakan kaedah menggunakan koleksi yang pelbagai di sesebuah muzium seperti koleksi sejarah, budaya dan alam semula jadi yang digunakan secara bersepada. Selain itu, boleh juga digunakan konsep *open-store concept*. Melalui konsep ini pelawat (dengan kebenaran) akan dibenarkan untuk melihat dan menggunakan koleksi yang terdapat di dalam stor. Konsep digunakan oleh para penyelidik khususnya sebagai bahan kajian.

Melalui pameran

Kekuatan sesebuah muzium terletak pada sesebuah pameran yang dipersembahkan dengan menggunakan teknik-teknik yang menarik dan interaktif. Ia tidak kira sama ada pameran tetap, sementara, bergerak dan khas. Melalui kaedah ini ilmu pengetahuan dapat disampaikan melalui koleksi yang dipamerkan dengan penggunaan teks dan kapsyen yang sesuai dengan kumpulan sasaran. Selain itu melalui pameran juga harus menggunakan interaktif teknologi seperti *audio-visual*, *sound effect*, pergerakan artifak seperti patung (replika) dan lain lain lagi. Interaktif ini juga dapat dilihat dalam pameran di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) iaitu pameran alat senjata ‘keris.’ Salah satu interaktif yang digunakan ialah pergerakan artifak dengan menggunakan “sense’ kad. Selain itu tayangan VCD juga digunakan. Tayangan ini lebih jelas difahami kerana menggunakan gambar, suara, dan pergerakan dalam satu masa.

Selain itu, jika dikaitkan dengan bidang perubatan tradisional, pameran berkenaan bahan perubatan yang terdiri daripada flora, fauna dan upacara ritual dapat membantu pengunjung terutamanya pelajar mengenali lebih dekat warisan dan budaya masyarakat mereka yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Pendidikan tidak formal berteraskan pameran sebegini menjadi satu bentuk pengetahuan yang tidak diperoleh

secara formal di dalam bilik darjah. Pihak muzium boleh menjemput golongan masyarakat tertentu bagi setiap suku bangsa di Malaysia dan memperlihatkan budaya perubatan tradisional yang mereka amalkan. Keadaan tersebut bukan sahaja dapat memberi pendedahan kepada pengunjung muzium malah menjadi daya tarikan kepada pelancong untuk mengenalinya dengan lebih dekat lagi. Selain memperkenalkan bahan-bahan perubatan, pameran tersebut juga dapat memberi gambaran kepada pelajar sumber perubatan alternatif yang diamalkan oleh masyarakat Melayu khusus sebelum munculnya sistem perubatan moden.

Berhubung dengan perubatan tradisional, terdapatnya konsep ilmu putih dan ilmu hitam yang sukar difahami oleh golongan pelajar khususnya. Melalui pameran yang diadakan pelbagai konsep berkait perubatan dapat didedahkan untuk maklumat umum. Selain memaparkan bahan bebentuk rajah dan penerangan, demonstrasi rawatan juga boleh dilakukan bagi menarik minat pelajar memahami bidang berkait tumbuhan tradisional ini. Selain itu, bahan perubatan yang telah dimodenkan dalam bentuk kapsul juga boleh dipamerkan sebagai satu cara rawatan tradisional yang telah mengalami perubahan zaman.

Satu lagi cara ialah dengan mengadakan perkhidmatan muzium bergerak yang bertujuan berinteraksi dan mendidik masyarakat. Tumpuan perkhidmatan ialah kepada mereka yang kurang mampu dan tidak berpeluang ke muzium. Oleh kerana itu muzium perlu menemui masyarakat.

Melalui Lectures and talk

Kaedah ini merupakan pendekatan yang lebih bersifat akademik. Kaedah ini juga merupakan salah satu kaedah dua hala. Program seperti ini sudah banyak dilakukan dan mendapat sambutan dari warga muzium dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO). Kaedah ini dianggap terbaik dan berkesan dalam menjana percambahan minda di kalangan pengunjung. Berdasarkan konsep ini juga seperti lawatan berpandu merupakan salah satu kaedah berkesan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Kaedah ini berbentuk komunikasi secara bersemuka antara pegawai muzium dan pengunjung. Kaedah ini merupakan antara kaedah yang digemari pengunjung kerana melaluiinya pengunjung dapat memperoleh maklumat mengenai artifik yang dipamerkan secara lebih mendalam.

Mengadakan kelas mengikut subjek tertentu

Melalui kaedah ini, pihak muzium akan mengadakan kelas berdasarkan konsep dan tema pameran. Pembelajaran ini akan menjadi lebih berkesan dimana konsep pendidikan formal diaplikasikan.


Penerbitan

Dalam membantu golongan pelajar atau para pengunjung dalam mendapatkan mengenai koleksi atau artifak dengan lebih jelas, bantuan seperti penyediaan *homepage* dan laman web, majalah, buku,jurnal dan *periodica* disediakan. Selain itu melalui ini juga maklumat mengenai sesebuah muzium dapat disebarluaskan dengan lebih meluas.

Teach and touch concept

Kaedah ini memberi peluang kepada pelajar atau pengunjung lain untuk menyentuh dan mencuba replika yang disediakan. Inilah amalan yang dilakukan oleh British Museum di London. Menurut Guntavid (1998) ini merupakan antara kaedah yang berkesan dalam proses pembelajaran dan cara ini juga merupakan salah satu teknik yang digunakan di negara Barat.

Seseorang pengunjung yang hadir menghadiri program atau aktiviti akan melalui fasa penjanaan seperti mana Rajah 17.1. Pengunjung akan melalui proses membaca atau melihat seterusnya akan mentafsir dan mengaitkan dengan memori yang dipelajari di sekolah atau menjadikan ilmu pengetahuan. Ia akan kekal dalam ingatan serta akan menjadi motivasi dan menjadi himpunan ilmu pengetahuan diri.



RAJAH 17.1. Aliran Proses Penjanaan Ilmu Melalui Pendidikan Muzium

Sumber: Kajian lapangan di Muzium Negara tahun 2009

Kesimpulan

Kajian ini diharapkan dapat membuka pintu untuk penyelidikan lebih mendalam. Pada asasnya pendidikan muzium adalah pendidikan pembinaan bangsa sepanjang hayat. Ia merupakan pendidikan tidak-formal yang melengkapkan pendidikan formal. Ia berkaitan secara langsung dengan warisan negara yang melengkapkan pendidikan formal.

Rujukan

- Adi Haji Taha. 2004. Peranan Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) dalam Bidang Pengkajian dan Pendokumentasian Warisan Champa. Dalam *Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Cam*. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Guntavid J. P. & J. Galaip. 1998. Ethnobotany of the proposed Semporna Islands Park. Dalam *A report for Semporna Islands Project*.
- Lewis, D. 1994. Reduction of Mind. Dalam S. Guttenplan (ed.), *A Companion to Philosophy of Mind*. Oxford: Blackwell.
- Mohd Yusof Abdullah. 1999. *Buruh Thai di ladang getah: kajian kes di Syarikat Ladang Sungai Terah Gua Musang, Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Othman Yatim. 1999. Peranan Muzium Dalam Mendidik Masyarakat: Pendidikan Formal Dan Tidak-formal. Dalam *Jaringan Muzium Asia timur*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan dan perancangan Institut Perkembangan minda (INMIND).
- Othman Yatim. 2005. Pembudayaan Muzium, Pelestarian Warisan dan Pembinaan Bangsa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Schwartz, A. 1974. Illustrated guide to the treasures of America. Dalam *Reader's Digest Association*. Edition 2.
- Woodhead, Peter, and Stansfield Geoffrey 1994. *Keyguide to information sources in museum studies*. London: Mansell.